AUTHOR: Azmi Tarmizi SECTION: NASIONAL AUDIENCE : 65,000 PAGE: 13 PRINTED SIZE: 329.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,996 WORDS: 540
ITEM ID: DP0122403173



02 NOV, 2026

Pengkhianat negara yang tiada otak

Sinar Harian, Malaysia

Pengkhianat negara yang tiada otak

Ada penjenayah mencuri kerana tamakkan wang. Ada pula sanggup mempertaruhkan keselamatan orang lain demi beberapa ratus ringgit contohnya, curi kabel.

Pencuri kabel ini mungkin menganggap perbuatan itu menguntungkan, tetapi hakikatnya kerosakan yang ditinggalkan terpaksa ditanggung masyarakat.

Sebab itu, pencuri kabel bukan sekadar pencuri harta benda, malah boleh dianggap pengkhianat negara apabila tindakan mereka mengancam keselamatan awam dan merosakkan infrastruktur penting.

Pada 2 Oktober, polis Nilai menumpaskan tujuh geng curi kabel. Kerugian yang dicatatkan RM4.5 juta. Tiga minggu kemudian, polis menumpaskan empat kumpulan yang disyaki terbabit dalam kegiatan samun dan kecurian kabel milik Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Telekom Malaysia (TM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kegiatan itu mengakibatkan kerugian kira-kira RM75,000, membabitkan dua kes samun stor kabel ECRL dan lima kes kecurian kabel TM antara September hingga Oktober.

Angka itu mungkin kelihatan kecil berbanding kos pembangunan negara. Namun, kerugian sebenar bukan sekadar nilai kabel yang dicuri, sebaliknya gangguan perkhidmatan, kos pembaikan dan risiko terhadap nyawa manusia.

Ancaman lebih serius timbul apabila kabel dicuri daripada infrastruktur pengangkutan. Pada 2 Oktober lalu, pihak berkuasa dan kontraktor utama ECRL, China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd mengingatkan orang ramai supaya menjauhi jajaran ECRL di Selangor susulan kejadian kecurian dan pemotongan kabel selama tiga hari berturut-turut.

Jajaran itu sedang melalui proses ujian dan pentauliahan, dengan tren beroperasi siang dan malam pada kelajuan sehingga 160 kilometer sejam.

Pencerobohan bukan sahaja berisiko menyebabkan renjatan elektrik, malah boleh merosakkan sistem serta peralatan yang sedang diuji, sekali gus menjejaskan jadual projek. Bayangkan projek bernilai berbilion ringgit terganggu hanya kerana ada pihak mahu mengaut keuntungan daripada kabel curi.

Lebih membimbangkan, gangguan terhadap sistem komunikasi, bekalan elektrik atau komponen keselamatan rel boleh mengancam keselamatan pengguna dan pekerja. Kita tidak perlu menunggu tragedi berlaku untuk memahami bahawa infrastruktur awam bukan tempat penjenayah mencari rezeki haram.

Kejayaan polis melakukan tangkapan wajar dipuji. Namun, persoalan lebih besar ialah siapa yang membeli kabel curi dan menyediakan pasaran kepada penjenayah?



TULIS NAMA ATAS BATU

AZMI TARMIZI

Selagi ada pembeli, selagi itulah kegiatan ini berpotensi berulang. Justeru, penguatkuasaan perlu melangkaui individu yang memotong dan mengangkut kabel.

Premis barangan lusuh serta pusat pengumpulan logam juga perlu dipantau bagi mengenal pasti urus niaga mencurigakan.

Kenapa pencuti ini berani? Kerana hukumannya terlalu ringan. Justeru pada 20 Oktober, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan berkata, kementeriannya sedang merangka pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 bagi menangani kesalahan dalam sektor pengangkutan awam darat, termasuk kecurian kabel.

Cadangan itu wajar diberikan perhatian. Namun, hukuman lebih berat sahaja tidak memadai tanpa penguatkuasaan berkesan dan tindakan terhadap pihak yang membeli hasil curian.

Negara membelanjakan wang dan tenaga untuk membangunkan infrastruktur demi kemudahan rakyat. Malangnya, segelintir pihak sanggup merosakkannya demi keuntungan sendiri.

Kabel boleh diganti dan sistem boleh dibaiki. Namun, jika kecuaian akibat perbuatan itu menyebabkan kehilangan nyawa, tiada wang mampu mengembalikan keadaan seperti sediakala.

Pencuri mungkin hanya melihat kabel sebagai sumber wang tunai. Mereka lupa bahawa di sebalik setiap kabel ada keselamatan, kemudahan awam dan kepentingan jutaan rakyat.

Jangan tunggu tragedi berlaku untuk bertindak. Pencuri kabel bukan sekadar mencuri harta, tetapi mempertaruhkan keselamatan masyarakat. Negara membelanjakan wang dan tenaga untuk membangunkan infrastruktur demi kemudahan rakyat. Malangnya, pencuri yang tiada otak ini sanggup merosakkannya demi keuntungan sendiri!

**Azmi Tarmizi ialah Editor Eksekutif di Sinar Harian. Anak jati Felda Soeharto KKB ini gemar ride di hujung minggu*

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.